



PERAK
JABATAN MUFTI NEGERI PERAK

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

KENYATAAN RASMI BIL. 5/2020

PERLAKSANAAN SOLAT FARDU SECARA BERJEMAAH DI MASJID-MASJID, SURAU DIRI JUMAAT DAN SURAU-SURAU DALAM NEGERI PERAK SEMASA WABAK COVID 19

Firman Allah SWT dalam surah asy-Syura ayat 30 :

وَمَا أَصَابَكُمْ مِنْ مُصِيبَةٍ فِيمَا كَسَبَتْ أَيْدِيكُمْ وَيَعْفُوا عَنْ كَثِيرٍ ﴿٣٠﴾

Bermaksud : “ *Dan apa saja musibah yang menimpa kamu maka adalah disebabkan oleh perbuatan tanganmu sendiri, dan Allah memaafkan sebagian besar (dari kesalahan-kesalahanmu) ”.*

Segala puji dirafakkan ke hadrat Allah SWT, selawat dan salam atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, para sahabat, para tabi'in serta mereka yang mengikuti jalan yang benar sehingga ke hari bertemu Allah SWT.

Saya mengikuti dengan teliti perkembangan semasa yang secara umumnya, seluruh rakyat Malaysia sedang menghadapi musibah penularan wabak COVID 19 yang membawa kepada perisytiharan Perintah Kawalan Pergerakan yang bermula pada 18 Mac 2020 hingga 14 April 2020. Bagi meningkatkan lagi keberkesanan Perintah Kawalan Pergerakan ini, pihak kerajaan menasihatkan orang ramai supaya berada di rumah sepanjang masa kecuali untuk memenuhi keperluan-keperluan asas. Selain itu, orang ramai dinasihatkan supaya melaksanakan penjarakan sosial (*social distancing*) dari orang sekeliling demi mengelakkan jangkitan COVID 19.

Saya ingin menarik perhatian semua bahawa Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak telah menitahkan agar tidak dilaksanakan solat Jumaat pada 20 dan 27 Mac 2020 (sehingga pemakluman selanjutnya) dan solat fardu secara berjemaah di seluruh masjid, surau diri jumaat dan surau dalam Negeri Perak. Namun, bagi memelihara Syiar Islam maka, hendaklah azan dikumandangkan dan pelaksanaan solat jemaah hanya boleh dihadiri seramai tiga (3) orang pegawai masjid bagi setiap kariah untuk setiap waktu solat fardu.

Apa yang saya zahirkan di sini adalah terdapat segelintir masyarakat Islam di negeri ini masih meneruskan solat berjemaah di masjid, surau diri jumaat dan surau tanpa menghiraukan arahan pihak berkuasa. Saya menegaskan bahawa keingkaran secara sedar dan sengaja terhadap arahan *ulil amri* (pihak pemerintah) merupakan suatu dosa dan pelakunya dikira melakukan maksiat. Firman Allah SWT dalam surah an-Nisa ayat 59 :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ

Bermaksud : “ *Hai orang-orang yang beriman, taatlah Allah dan taatlah Rasul (Nya), dan ulil amri di antara kamu ”*

Sabda Nabi SAW :

السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ عَلَى الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ فِيمَا أَحَبَّ وَكَرِهَ مَا لَمْ يُؤْمَرْ بِمَعْصِيَةٍ
فَإِذَا أُمِرَ بِمَعْصِيَةٍ فَلَا سَمْعَ وَلَا طَاعَةَ

Bermaksud : “ Dengar dan taat adalah hak kepada (pemimpin) selagimana tidak disuruh melakukan maksiat. Apabila disuruh melakukan perkara maksiat maka ketika itu janganlah dengar dan taat (kepada pemimpin). ”

Saya ingin menarik perhatian saudara seagama semua bahawa al-Allamah Ali bin Muhammad bin al-‘Izz al-Hanafi (wafat 746 H) dalam Syarah Aqidah ath-Thahawiyyah, berkata, “ Hukum mentaati ulil amri adalah wajib (selama tidak dalam kemaksiatan) walaupun mereka berbuat zalim karena jika keluar daripada ketaatan kepada mereka akan menimbulkan kerosakan yang berlipat ganda dibanding dengan kezaliman penguasa itu sendiri. ”

Oleh itu, kedapatan segelintir masyarakat Islam yang masih melaksanakan solat fardu secara berjemaah di masjid, surau diri jumaat dan surau atas sangkaan bagi meraih gandaan pahala tanpa menghiraukan arahan pihak berkuasa merupakan tindakan yang jelas bertentangan dengan syarak.

Ingin saya mengingatkan bahawa pihak berkuasa berhak untuk memutuskan sesuatu perkara yang boleh mendatangkan kemaslahatan dan kebaikan umat biarpun ianya barangkali bertentangan dengan kehendak peribadi kita. Apatah lagi wabak COVID 19 yang sedang melanda negara kita sudah mencapai tahap yakin (محققا للخوف) atau sangkaan yang kuat (غلبة الظن) berdasarkan angka kematian yang sudah mencecah 17 orang berdasarkan laporan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Kaedah feqah yang masyhur ada menyatakan hak para pemerintah menentukan sesuatu polisi iaitu:

تَصَرَّفُ الْإِمَامِ عَلَى الرَّعِيَّةِ مَنُوطٌ بِالْمَصْلَحَةِ

Bermaksud : “ Tindakan (perlaksanaan) pemerintah ke atas rakyat adalah mesti berkait (terikat) dengan masalah ”.

Mari kita hayati perutusan Baginda Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari yang bermaksud : “ Bahawa Rasulullah SAW pulang daripada Perang Tabuk lalu menghampiri Madinah dan bersabda; Sesungguhnya di Madinah terdapat beberapa golongan yang tetap bersama kamu di mana sahaja kamu berjalan atau merentasi lembah. Mereka pun bertanya “ Wahai Rasulullah! Padahal mereka di Madinah? ” Baginda membalas “ Padahal mereka di Madinah. Mereka dihalang oleh kezuran ”.

Biarpun kebiasaan kita melaksanakan solat fardu secara berjemaah di masjid, surau diri jumaat dan surau namun, suasana kini yang tidak kondusif menyebabkan kita terhalang melakukannya disebabkan sesuatu musibah yang diklasifikasikan sebagai kezuran syar’ie. Persoalan pahala dan fadilatnya kesemuanya diserahkan kepada Allah SWT. Kita yakin Allah SWT Maha Pemurah dalam memberikan setiap ganjaran bagi apa sahaja amal kebaikan dan kebajikan yang telah menjadi kelaziman kita.



Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani Bin Haji Zakaria
Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan

30 Rejab 1440 H (Rabu)
25 Mac 2020 M